



www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (1) Jun.2017(036-054)

Leksikal 'Sinonim' Dalam Al Quran: Satu Analisis Fungsi Dan Kesan Semantik

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad
luqman701@kelantan.uitm.edu.my
Universiti Teknologi Mara

Muhammad Saiful Anuar Yusoff
saiful673@kelantan.uitm.edu.my
Universiti Teknologi Mara

Zaitul Azma Zainon Hamzah
zazh@upm.edu.my
Universiti Putra Malaysia

Muhammad Zaidi Zakaria
zaidizakaria@pahang.uitm.edu.my
Universiti Teknologi Mara

Abstrak

Sinonim merupakan salah satu fenomena linguistik yang menjadi perbincangan di kalangan ahli bahasa terutama isu kewujudannya di dalam teks al Quran. Perkara tersebut menyebabkan sebilangan sarjana mengemukakan kategori dan ciri tertentu mengenai sinonim berdasarkan pandangan dan hujah masing-masing. Lanjutan daripada itu, kajian kualitatif ini memaparkan beberapa leksikal 'sinonim' (LS) menurut perbincangan Himadah Muhammad (2007). Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti fungsi dan kesan semantik leksikal terhadap konteks ayat. Di samping itu, kajian juga mengklasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi melalui kata dasar dan bentuk asal untuk menampakkan kategori semantik. Justifikasi pandangan daripada sarjana al Quran juga diketengahkan sebagai validasi tafsiran. Kajian ini menerapkan teori *Analisis Komponen Makna* (AKM) sebagai panduan. Dapatan menunjukkan setiap LS dalam kajian ini mendokong perincian maksud yang khusus dan bukan sinonim. Ini kerana, LS yang wujud di dalam al Quran mempunyai nilai kesempurnaan, fungsi dan kesan tersendiri. Pemilihan perkataan juga selaras dengan kepentingan, justifikasi dan konteks ayat. Justeru, perbincangan yang dijalankan diharap menjelaskan konsep dan hubungan semantik antara leksikal sebagai asas untuk mengetengahkan peranannya secara linguistik terutamanya di dalam al Quran.

Kata kunci: fungsi, kesan, sinonim, semantik, al Quran

Abstract

Synonyms are one of the linguistic phenomena that create debates among linguists, especially the issue of its existence in the text of the Quran. The case has led some scholars to argue the categories and specific features of synonyms based on their views and arguments. Hence, this qualitative study shows some of the 'synonymous' lexicals (SL) as discussed by Himadah Muhammad (2007). The objective of the study is to identify the function and effect of the lexical semantics toward the words sentence. In addition, the study also ties the frequencies of the words by morphological classification through root words and derivative forms

to reveal the semantic categories. Justification views by the Quranic scholars are also highlighted as a validation of interpretation. This study applies the theory of Componential Analysis of Meaning (CAM) as a guide. Findings show that each SL in this study carries details of a specific meaning and is not synonymous. This is because the SL in the Holy Quran has the value of perfection, function and effect of its own. The selected words are consistent with the interests, justifications and the contexts of the verse. Thus, the discussions are expected to explain the concepts and the relationships between lexicals as a medium to highlight the functions and the effects of 'synonym' linguistically especially in the Holy Quran.

Key word: function, effect, synonym, semantic, the Holy Quran

Pendahuluan

Al-Quran penuh dengan pelbagai gaya bahasa, unsur linguistik dan ciri retorik yang menghasilkan kesan yang hebat (Abobaker Ali, M Alsaleh Brakhw, Munif Zariruddin & Sharifah Fazliyatun, 2012: 588). Ini kerana, teks al-Quran merupakan suatu yang mencabar dan mengagumkan (Shihāb & Rafid, 2008: 1). Memperoleh dan memahami maksud leksikal di dalam al Quran memerlukan usaha yang mendalam disebabkan wujudnya pelbagai gaya bahasa dan komponen linguistik yang membawa kesan tertentu pada konteks dan frasa. Perkataan di dalam al Quran mewujudkan gambaran dan aspek khusus serta menjelaskan konsep dan hubungan antara makna. Samia Muhsen Al-Jabri (2012: 7) menyatakan bahawa sinonim merupakan salah satu fenomena linguistik yang memberi kesan terhadap struktur dan kosa kata. Mendapatkan maksud leksikal yang tepat di antara dua perkataan merupakan asas bagi proses menentukan makna. Ini kerana, Bahasa Arab mempunyai kosa kata dan istilah yang tersendiri (Muhammad Luqman, Pabiah Hajimaming & Zaitul Azma 2014: 68). Sinonim bukan sahaja membawa maksud yang sama secara permukaan, tetapi perlu dinilai terhadap disiplin tertentu termasuklah konteks dan kesan pemilihan. Contohnya, perkataan bahasa Arab seperti تأمل *taammal*, شهد *syahd*, نظر *nazar*, رأى *ra'a* dan بصر *basar* memerlukan penelitian untuk mendapatkan maksud supaya selari dengan konteks. Begitu juga bahasa Melayu untuk istilah *menonton*, *melihat*, *menyaksikan*, *memandang* dan *menatap*. Ini kerana, wujudnya dua rumpun bahasa yang tersendiri (Zainur Rijal & Mahmoud Mohammed Ali, 2014: 35). Sinonim merupakan salah satu imu bahasa yang berkait dengan makna dan mempunyai pelbagai pengertian dan definisi berdasarkan hujah tersendiri.

Perkataan sinonim terdiri daripada perkataan *sin* yang bererti sama atau serupa dan *onim* yang bererti nama (Tarigan, 1985: 17). Ramli Md Salleh. (1997) mendefinisikan sinonim sebagai dua kata atau lebih yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama dalam sesuatu bahasa. Menurut Palmer (1976: 88), sinonim adalah '*sameness of meaning*' (*kesamaan maksud*). Manakala dalam bahasa Arab sinonim ialah ترادف (*taraduf*). Dari sudut bahasa, *taraduf* berasal daripada kata ردف (*radafa*) yang memberi erti التتابع (*at tatabu*) iaitu mengikut atau menurut. Dari sudut istilah, Ibn Jinni (t.th: 113) mendefinisikan *taraduf* sebagai تلاقي المعاني على اختلاف الأصول المباني (*pertemuan makna di sebalik perbezaan akar kata dan struktur binaan*). Al-Antaki (t.th: 380) pula mendefinisikan *taraduf* sebagai دلالة الألفاظ المختلفة على المعنى الواحد (*beberapa perkataan yang berbeza yang menunjukkan kepada satu makna*). Adapun Mokhtar Omar (1385: 123) menyatakan sinonim sebagai '*a word is able to be applied for more than one meaning*' (terj: perkataan yang berupaya memberikan lebih daripada satu maksud).

Sinonim boleh didefinisi sebagai perkataan yang mengutara maksud yang sama. Wujud pelbagai takrifan sinonim yang diberikan oleh ahli bahasa. Menurut al-Raaziyy (1995), sinonim ialah "perkataan-perkataan tunggal/bersendirian yang menunjukkan kepada sesuatu dari satu sudut", iaitu hanya perkataan yang dilihat dari satu sudut sahaja dikira sebagai sinonim. Oleh itu, perkataan السيف (*as saif*) dan الصارم (*as shorim*) tidak dikira sinonim, walaupun kedua-dua bererti pedang kerana السيف dilihat kepada hakikatnya dan الصارم dilihat kepada sifatnya, iaitu ketajamannya. Sibawaih (1988) merupakan sarjana linguistik yang menjelaskan fenomena sinonim dengan membahagikan hubungan semantik antara perkataan dan makna kepada tiga bahagian, pertama: dua perkataan yang berasingan bagi dua makna yang berbeza. Kedua: perkataan yang berasingan untuk menyampaikan maksud yang sama. Ketiga: sebutan sama untuk dua perkataan yang berasingan untuk menyampaikan dua makna yang berbeza.

Kajian Lepas

Farid Awud Haidar (1999: 117) menyatakan bahawa ilmu mengenai semantik terbahagi kepada dua, iaitu *Micro* dan *Macro Semantic*. Semantik mikro menjelaskan tentang pembentukan sesebuah kata (tunggal), adapun semantik makro menceritakan hubungan antara perkataan. Perbezaan yang diutarakan menjelaskan bagaimana setiap perkataan mempunyai nilai dan fungsi yang tersendiri. Kategori semantik membawa kepada pembaca untuk membuat penilaian asas supaya medan makna asal tidak menyimpang. Ahmad Mukhtar Umar (1982: 116) menyatakan bahawa medan makna ialah kumpulan kata yang maknanya saling berkaitan. Definisi mengenai medan makna dijelaskan melalui komponen makna yang digunakan untuk membezakan makna antara dua perkataan yang bersinonim. Contohnya perkataan الإنسان (*al insan*) dan البشر (*al basyar*). Kedua-dua leksikal tersebut menjuruskan kepada makna manusia secara umum, tetapi mempunyai perbezaan dari segi nilai dan fungsian iaitu, الإنسان mempunyai sifat lupa, manakala البشر lebih kepada maksud permukaan kulit.

Ahli bahasa tidak bersetuju dengan sesetengah identifikasi mengenai tahap persamaan yang perlu wujud antara dua item leksikal yang dikira sebagai sinonim (Antar Abdellah, 2010: 9). Selari dengan Mat Taib Pa (2012: 52) yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan mengenai kewujudan sinonim dalam bahasa secara amnya samaada silam atau moden dengan memberi pelbagai alasan dan hujah berdasarkan logik dan realiti bahasa. Terdapat juga ahli bahasa silam yang mengingkari kewujudan sinonim seperti Tha'lab, Abuu 'Aliyy al-Faarisiiyy dan Abu Hilaal al-'Askariyy (*ibid*). Khilaf yang dibincangkan diselangi dengan hujah-hujah yang rasional dan kuat. Didapati golongan yang menerima sinonim berpegang secara umum dan golongan yang menolaknya melihat dengan lebih mendalam. Golongan yang menerimanya bukannya tidak arif atau tidak menerima perbezaan antara perkataan yang dikatakan sinonim, tetapi mereka tidak meletakkan perincian sebagai satu perkiraan sinonim. Dengan itu, perbezaan antara golongan ini boleh dikatakan perbezaan lahiriah dan teknikal sahaja bukan hakiki (*ibid*). Sinonim sebagaimana yang ditakrifkan oleh al-Munjed (1997: 29-30) adalah perkataan yang seerti dengan yang lain secara literal. Kewujudan makna idiomatik daripada isu sinonim dalam linguistik tidak begitu jelas oleh ahli bahasa mengenainya. Hal ini berlaku di kalangan penyelidik dan sarjana ahli bahasa disebabkan perbezaan asas mengenai definisi tersebut.

Fungsi dan kesan leksikal

Al-Quran memiliki teks dan unsur linguistik yang penuh dengan gaya bahasa tersendiri. Setiap perkataan yang wujud di dalamnya mempunyai fungsi maksud tertentu memandangkan ianya sebuah kitab yang penuh dengan mukjizat. Beberapa sarjana menjalankan kajian mengenai sinonim dan kategorinya di dalam al Quran dengan mengemukakan hujah tersendiri seperti Syed Khadr (1991), Samia Muhsen (2012), Antar Abdellah (2010) dan Mohammad Mahmoud Ghali (1997). Terminologi yang wujud di dalam al Quran mempunyai sebab dan kesan pemilihan tersendiri yang perlu diambil perhatian. Pengkaji bersetuju dengan Ali, A (2006: 19) yang menegaskan bahawa:

“The Qur'an is only the Qur'an when it is in Arabic, in its original wording as revealed to the Prophet Muḥammad”.

(Terj: Sebuah al Quran adalah al Quran hanya apabila ia dalam bahasa Arab, dalam perkataan asal sebagaimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad)

Terdapat sarjana bahasa moden yang memberi istilah-istilah tertentu mengenai sinonim seperti sinonim lengkap dan separa sinonim. Sinonim lengkap adalah persamaan maksud yang lengkap dan penutur asli bahasa tidak merasakan apa-apa perbezaan dengan penggunaannya secara bebas contohnya, cantik dan lawa. Manakala separa sinonim ialah wujud perbezaan maksud yang terlalu kecil sehinggakan sukar untuk dibezakan dan penutur asli pun mengabaikannya seperti perkataan العام (*al aa'm*) dan السنة (*as sanah*) yang bermaksud 'tahun'. Sekiranya perbezaan itu berlaku pada satu ciri komponen penting, ia dinamakan sebagai kehampiran makna seperti الحلم (*al hulum*) dan الرؤيا (*ar ru'ya*) yang bermaksud 'mimpi' (Mat Taib Pa, 2012: 51). Al-'sma'i melalui penulisan Al-Munajjid (2007: 36) telah menyusun senarai tujuh puluh nama untuk 'batu' dalam bahasa Arab, manakala lima puluh nama untuk 'pedang' dan lima ratus nama-nama untuk 'singa' serta seratus nama untuk 'ular'. Demikianlah Issa (2011) mengenal pasti tiga jenis sinonim dalam bahasa Arab, iaitu, sinonim lengkap, sinonim leksikal dan sinonim nominal.

Ada juga sarjana menolak tanggapan sinonim secara mutlak. Antara pandangan ulama terdahulu yang menafikan sinonim ialah Abu Ali al-Farisi (377 H), Abd al-Qahir al-Jurjani (471 H), Ibn Jinni (392 H) dan Ahmad bin Yahya Tha'lab (291 H). Ibn al-'Arabi dan Ibnu Faris mengekalkan bahawa adalah tidak logik untuk mempunyai dua atau lebih perkataan dalam bahasa dengan satu rujukan kerana sinonim merupakan suatu yang berbeza dengan pelbagai ciri (Abdel-Tawab 1987: 311). Oleh itu, 'item leksikal' "جَوَاد" (*jawwad*) (kuda cepat), dan "أَدْهَم" (*adham*) (kuda hitam sepenuhnya) adalah sifat dan bukannya sinonim "حَصَان" (*hisana*) (kuda) (Shehab 2009: 870). Arberry (1996) menganggap يَحْلِف (*yahlif*) dan يَقْسِم (*yuqsim*) sebagai sinonim, dan memberi maksud "bersumpah." Dalam bahasa Arab, kedua-dua kata kerja tersebut mempunyai implikasi yang berbeza. Kata kerja يَحْلِف (*yahlif*) digunakan dalam al-Quran untuk merujuk kepada orang-orang munafik dan kafir, iaitu mereka yang melanggar sumpah, manakala kata kerja يَقْسِم (*yuqsim*) digunakan merujuk kepada orang beriman yang menunaikan janji dan sumpah-sumpah mereka (Shehab, 2009). Begitu juga perbezaan kecil antara يَغْثِب (*yaghbit*) dan يَحْسُد (*yahsud*) tidak dapat disempurnakan maksudnya tanpa pengetahuan yang intuitif dan mendalam tentang perbezaan antara keduanya. Penterjemah boleh memberi maksud 'iri hati' sebagai kesamaan maksud antara kedua-duanya, akan tetapi ia sebenarnya berbeza dari makna asal kerana perkataan pertama, يَغْثِب (*yaghbit*), mempunyai implikasi yang positif, manakala perkataan yang kedua, يَحْسُد (*yahsud*), mempunyai implikasi negatif (ibid). Sana Kamel Al-Omari & Abdel-Rahman Husni (2014: 1) dan Ramadan (1983) menyatakan sinonim mutlak dalam al-Quran tidak wujud sama sekali, yang wujud adalah kehampiran sinonim yang muncul untuk menjadi sinonim pada pandangan pertama tetapi mengemukakan semantik yang berbeza apabila dianalisa. Sejajar dengan pandangan Al-Munjed (1997: 109-120) yang menyatakan tentang fenomena sinonim menjadi perbualan besar dengan munculnya pelbagai kajian yang dijalankan oleh sarjana Islam untuk mentafsirkan makna al-Quran.

Persoalan samaada al-Quran menggunakan sinonim merupakan isu sensitif yang mengundang tafsiran yang berbeza (Jamal Alqinai, 2012: 75). Kajian ini tidak memfokuskan terhadap khilaf atau perselisihan yang berlaku di antara sarjana dan pakar bahasa. Justifikasi yang diutarakan oleh mereka mempunyai pelbagai hujah selari dengan kepakaran masing-masing. Pandangan yang dibentang dan dibahas memberi manfaat yang besar dalam ilmu bahasa dengan melengkapi suatu pengertian dan ideologi. Adapun begitu, pengkaji bersetuju dengan pandangan yang menyatakan bahawa setiap kalimat dalam al-Quran mempunyai maksud yang spesifik, khusus, sempurna dan tersendiri sebagai bukti mukjizat dan keagungan al-Quran yang relevan di setiap ruang dan waktu. Hal ini selari dengan dapatan kajian Mat Taib Pa (2012: 420) yang menegaskan bahawa tiada sinonim dalam al-Quran samaada sinonim separa lengkap mahupun sinonim lengkap, kerana setiap perkataan di dalamnya digunakan dengan makna yang khusus dan tidak sama dengan perkataan lain. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan tiga leksikal seperti 1. عِلْم (*'alima*) dalam surah al-Baqarah (2:60), begitu juga perkataan 2. اَدْرَى (*adra*) dalam Surah al-Jinn (72:25) dan Surah Al-Qāri'ah (101:10), manakala 3. اَحْسَن (*ahassa*) dalam Surah 'Āli 'Imrān (3:52). Ketiga-tiga perkataan tersebut secara permukaan dilihat sebagai sinonim bagi maksud 'untuk mengetahui', akan tetapi ianya memberi maksud yang lebih terperinci iaitu, pertama untuk mengetahui sesuatu yang betul dan benar, kedua untuk mengetahui sesuatu secara tidak langsung dan ketiga untuk mengetahui sesuatu melalui deria/pancaindera.

Konsep Sinonim dalam al Quran


Al-Qur'an banyak menggunakan perkataan yang secara permukaannya kelihatan sinonim, namun bila diteliti secara mendalam ternyata ianya mempunyai konotasi tersendiri. Para ulama bahasa mengkategorikan sinonim sebagai salah satu dari keagungan bahasa dan keistemewaannya, walaupun sebahagian mereka berselisih pendapat tentang kewujudannya dalam al Quran. Perkataan di dalam al Quran ditempatkan berdasarkan kedudukan dan konteksnya, maka tidak boleh ditukar dengan perkataan lain walaupun mendokong maksud yang seakan seerti. Hal ini boleh dilihat pada perkataan *Khauf* dan *Khasyah* di dalam surah Ar-ra'd: 21 yang memperlihatkan maksud 'takut'. Kata *Khauf* dan *Khasyah* hampir sama definisinya secara bahasa, tetapi menyampaikan konotasi yang berbeza. Penggunaan kata *Khasyah* dalam al-Qur'an lebih merujuk kepada perasaan takut yang mengagungkan dengan penghormatan kerana pada umumnya perkataan ini dikaitkan dengan perasaan takut kepada Allah. Sedangkan kata *Khauf* bererti rasa takut yang wajar seperti, ketakutan siksa di akhirat kerana melakukan dosa. Begitu juga penggunaan kata *الريب* *al Raib* dan *الشك* *al Syakk* yang mempunyai perincian makna yang tersendiri. Kata *الريب* dalam al-Qur'an biasanya dalam perkara yang berkenaan dengan aqidah, al-Qur'an, hari kiamat, keimanan, ahli kitab dan lain-lain. Adapun perkataan *الشك* berkisar tentang orang-orang kafir yang selalu diiringi dengan perkataan *مريب* disebabkan mereka selalu dalam kesesatan dan perbuatan jahat. Pada dasarnya beberapa perkataan yang dianggap sinonim itu memiliki maksud yang khusus. Seperti kata *جلس* *Jalasa* dan *قعد* *Qa'ada*, keduanya bermaksud 'duduk'. Pada hakikatnya kata *جلس* bererti 'duduk dari berdiri, sementara *قعد* bererti 'duduk dari berbaring'. Demikian juga Perkataan *جاء وأتى* dalam surah al-Hijr (63-64) dari segi bahasa bermaksud 'datang/ tiba'. Perkataan *جاء* digunakan untuk sesuatu yang dibawa seperti benda, manusia, binatang dan sebagainya adapun *أتى* lebih kepada sesuatu yang abstrak dan menunjukkan waktu tertentu. Perbahasan sama juga boleh dilihat pada perkataan *السنة والعام* dalam surah al-'Ankabut (14) yang secara umumnya bermaksud 'tahun' di mana kata *السنة* digunakan untuk ungkapan ketika masa krisis dan kesusahan, manakala perkataan *العام* lebih kepada waktu lapang dan senang. Daripada contoh-contoh di atas dapat disimpulkan bahawa setiap perkataan yang seerti tidak semestinya datang dengan fungsi dan kesan ujaran yang sama. Pemahaman mendalam mengenai konteks ayat sangat penting untuk membezakan makna bagi kata yang dianggap *mutarâdif* (sinonim)

Permasalahan Kajian

Sinonim memerlukan perhatian yang mendalam dan perlu dikaji dengan teliti, sejajar dengan pandangan Cruse (2004) yang secara langsung menyatakan bahawa '*Much research remains to be done in the field of synonymy*'. Hal ini selari dengan pandangan Osman Mohamed Gharib (2010: 7) yang menyatakan salah satu isu gaya bahasa yang paling penting dalam al-Quran merupakan sinonim. Tidak dinafikan bahawa, takrifan dan kategori sinonim di dalam al Quran menjadi perbahasan di kalangan sarjana dan ilmuwan bahasa. Sinonim, dalam konteks keagamaan seperti al-Quran, dengan bahasa *fushah* adalah berbeza dengan dialek Arab (Noureldin Mohamed Abdelaal, Sabariah Md Rashid, 2015: 2). Kepelbagaian penggunaan leksikal 'sinonim' kadang-kadang membentuk satu budaya yang cenderung untuk mengaplikasikan konsep sinonim secara menyeluruh. Berbalik dari itu, kajian seperti ini seharusnya diperbanyakkan supaya ruang ideologi dan pandangan semakin bercambah dengan menyatakan hujah masing-masing. Dalam al-Quran, isu kewujudan sinonim menjadi lebih rumit (Antar Abdellah, 2010: 10). Ini kerana, al Quran bukan buku ilmiah dan akademik seperti kebiasaan yang dikarang oleh penulis, tetapi satu mukjizat agung yang penuh dengan rahsia menjangkau ilmu linguistik. Sehubungan dengan itu, pengkaji percaya bahawa setiap perkataan atau leksikal yang wujud di dalam al Quran mempunyai nilai dan fungsi serta kesan tersendiri. Pemilihan perkataan yang wujud di dalamnya diiringi dengan intipati, kepentingan dan justifikasi yang khusus. Untuk menerokai isu ini, pengkaji menganalisis beberapa perkataan 'sinonim' untuk mengenalpasti fungsi dan kesan semantik tertentu daripada ayat al Quran. Kajian ini tidak menyentuh aspek dan kategori sinonim secara terperinci tetapi memperlihatkan pandangan tafsiran mengenai leksikal secara terperinci. Kajian dijangka menyelesaikan

beberapa isu yang melibatkan kesan pemilihan perkataan yang seakan mempunyai maksud seerti disamping mengetengahkan fungsi leksikal berasaskan pandangan sarjana al Quran.

Metodologi



Kajian ini berteraskan metod pengumpulan data yang telah dikenal pasti untuk dianalisis daripada teks al Quran. Kajian kualitatif ini dijalankan berdasarkan penelitian terhadap leksikal 'sinonim' menurut perbincangan Himadah Muhammad (2007). Data kajian dipilih sebelum dianalisis berdasarkan aspek linguistik untuk menampakkan fungsi dan kesan leksikal 'sinonim'. Kajian ini menerapkan teori Analisis Komponen Makna oleh Eugene Nida (1975) dalam bukunya *Componential Analysis of Meaning, an introduction to semantic structures* untuk memperlihatkan sejauh mana leksikal sinonim di dalam al Quran berupaya mendatangkan fungsi dan kesan. Teori ini memperincikan perkataan yang mempunyai hubungan makna di antara satu perkataan dengan perkataan yang lain yang dikenali sebagai struktur leksikal. Makna yang terdapat pada setiap leksikal dianalisis melalui komponen dan fungsi leksikal dalam bahasa dengan pemberian fitur secara nilai binari, iaitu tanda [+] yang merujuk pada fitur yang dimiliki (ada komponen makna) dan [-] yang merujuk pada fitur tidak dimiliki (tiada komponen makna). Dalam melakukan analisis komponen ini, makna utama dikenali pasti melalui proses validasi dan tafsiran berdasarkan pandangan sarjana Arab al-Quran iaitu al-Zamakhshariy (1998), Ibn Katshir (2000), Ibn Faris (2001), al- Alusy (1994), al-Qurtubiy (1988), Ibn A'syur (1997), al-Raghib al-Asfahāniy (1999) dan Abi Hilāl al-'Askariy (1988). Analisis ini dijalankan untuk mendapatkan makna sesuatu leksikal dengan makna leksikal yang lain. Analisis data kemudian dibentang untuk menampakkan kesan dan fungsi sebenar pemilihan perkataan 'sinonim' di dalam al Quran.

Kajian juga memaparkan secara kuantitatif kekerapan perkataan yang dibuat kajian mengikut klasifikasi morfologi melalui kata dasar (*root word*) dan bentuk asal (*derived forms*) di dalam al Quran untuk memperlihatkan pola, bentuk perkataan dan kategori semantik. Analisis dijalankan menggunakan perisian *The Quranic Arabic Corpus* yang dibina oleh Kais Dukes (2009) dari University of Leeds. Justifikasi penggunaan perisian tersebut disebabkan ianya merupakan satu alat beranotasi sumber linguistik yang memaparkan tatabahasa Arab, sintaksis dan morfologi untuk setiap perkataan dalam Al-Quran, malah ianya telah digunapakai oleh kebanyakan pengkaji seperti Kais Dukes, Eric Atwell dan Abdul-Baqee M. Sharaf (2010) dalam kajiannya *Syntactic Annotation Guidelines for the Quranic Arabic Dependency Treebank*, begitu juga Andrew G. Bannister (2014) dalam bukunya *An Oral-Formulaic Study of the Qur'an*. Kais Duke menerbitkan sebilangan kajian tentang al Quran dan telah mendapat hampir 300 penanda rujukan (*citation*) dalam *google scholar*. Antara kajiannya ialah *Morphological Annotation of Quranic Arabic* (2010), *A dependency treebank of the Quran using traditional Arabic grammar* (2010), *Syntactic Annotation Guidelines for the Quranic Arabic Dependency Treebank* (2010) dan *Supervised collaboration for syntactic annotation of Quranic Arabic* (2013).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sejauh mana leksikal sinonim di dalam al Quran berupaya mendatangkan fungsi dan kesan terhadap konteks perkataan. Di samping itu, kajian juga mengklasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi melalui kata dasar dan bentuk asal untuk menerokai kategori semantik leksikal. Justifikasi pandangan daripada sarjana al Quran juga dibentang sebagai validasi tafsiran.

Analisis Kajian

Berikut merupakan analisis komponen makna yang dijalankan ke atas leksikal sinonim (LS) daripada ayat al Quran. Perkataan yang dibuat kajian dipilih berdasarkan kesesuaian untuk menampakkan fungsi dan kesan. Fokus perkataan dalam kajian ini dijalankan ke atas ayat yang dipilih khusus seperti analisis di bawah. Perbahasan dibuat dengan mengutarakan pandangan dan tafsiran daripada sarjana al Quran. Pemaparan dilakukan untuk menampakkan bagaimana perkataan tersebut berperanan menyalurkan komponen makna dan memperlihatkan fungsi dan kesan. Teori Analisis Komponen Makna (AKM) membantu memperincikan kata yang mempunyai hubungan makna di antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Makna yang terdapat pada setiap LS dianalisis melalui kesan dan fungsi leksikal dalam ayat dengan pemberian fitur, iaitu tanda [+] yang merujuk pada fitur yang dimiliki (ada komponen makna) dan [–] yang merujuk pada fitur tidak dimiliki (tiada komponen makna).

Analisis 1

Perkataan الظلم dan الهضم di dalam surah Taaha ayat 112.

(112) وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا يَخَافُ ظُلْمًا وَلَا هَضْمًا

(Dan barang siapa mengerjakan amal yang saleh) amal-amal ketaatan (dan ia dalam keadaan beriman, maka ia tidak khawatir akan diperlakukan tidak adil) dengan diberatkan dosanya (dan tidak pula akan pengurangan haknya) dikurangi pahala kebajikannya.

Al Zarkashiy (1988: 190) memberitahu bahawa terdapat sarjana menyatakan keduanya adalah sinonim. Kata الظلم secara literal adalah ‘zalim/ tidak adil’, manakala الهضم ialah ‘kurang/ hilang’. Ayat di atas menceritakan situasi orang beriman yang melakukan amal-amal soleh maka tidaklah (seharusnya) dia merasa takut dizalimi atau dikurangkan pahalanya, bahkan dosanya diampuni, aibnya dibersihkan dan kebajikannya akan dilipatgandakan. Al-Qurtubiy (1988: 539) membezakan dua perkataan tersebut dengan menyatakan bahawa perkataan الظلم berlaku dengan pengurangan hak (kurang pahala ketaatan dan tidak bertambah dosa), manakala الهضم tidak terjadi kecuali dengan pengurangan pahala sahaja. Al-Zamakhshariy (1998) mengutarakan maksud dari sudut bahasa dengan mengatakan الظلم ialah [mengambil hak seseorang] dan الهضم ialah [mengkhianati hak saudaranya]. Ibn A’syur (1997) menyebut bahawa perkataan الهضم itu ialah tidak dikurangi pahala yang telah dijanji, dan harus untuk menyatakan الظلم dengan pengurangan yang banyak, dan الهضم dengan pengurangan yang ringan/sedikit. Menurut tafsir Muyassar (2009): وَمَنْ يَعْمَلْ صَالِحَاتٍ الْأَعْمَالِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ بِرَبِّهِ، فَلَا يَخَافُ ظُلْمًا بِزِيَادَةِ سَيِّئَاتِهِ، وَلَا هَضْمًا بِنَقْصِ حَسَنَاتِ (Terj: sesiapa yang melakukan amalan soleh maka dia beriman dengan Allah, maka (tidak perlu) takut diperlakukan tidak adil dengan bertambahnya dosa, tidak juga dikurangkan kebajikannya). Sekiranya diteliti terdapat perbezaan semantik di antara dua perkataan tersebut. Menurut Himadah Muhammad (2007: 540) melalui tulisan Ali Yumna (1985) menyebut: dengan berulangnya aspek nafi (لا) ianya menunjukkan dua sudut ketakutan dengan tujuan meyakinkan mukmin yang melakukan amal kebajikan agar tidak takut untuk dizalimi dan dikurangi pahalanya.

ANALISIS KOMPONEN MAKNA				
LS	Hubungan makna	Makna fungsian	Kesan konteks/ Tema	Fitur
الظلم	hak	mengambil hak/ tidak adil	tidak perlu takut dizalimi/ ditambah dosa	[+]
الهضم		mengkhianati hak/ menghilangkan	tidak perlu takut dikurangkan kebaikan/ pahala	[-]

Ulasan: LS di atas menunjukkan tidak wujud makna yang seerti. Kedua-dua leksikal tersebut memperincikan sudut makna yang tersendiri berdasarkan hujah yang diutarakan oleh sarjana, sebagaimana yang dijelaskan di bahagian perbincangan. Berdasarkan pemerhatian, kedua-dua perkataan tersebut mempunyai perbezaan dari sudut perincian maksud dan kesan penyampaian ujaran. Secara asasnya, ayat *فَلَا يَخَافُ ظُلْمًا* berfungsi untuk menjelaskan [maka tidak perlu merasa takut ditambah dosanya (untuk orang yang soleh dan taat)], manakala *وَلَا هُضْمًا* menerangkan tidak juga dikurangkan dari hak/ pahalanya. Dengan berulangnya aspek nafi (لا) ianya menunjukkan adanya perbezaan pada sudut ketakutan.

1.1 Klasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi kata *Zha Lam Mim* & *Ha Dhad Mim*

Kata dasar *Zha Lam Mim* (ظ - ل - م) muncul 315 kali dalam al-Quran dalam 12 bentuk perkataan asal:

(ظ - ل - م)												
110 x	1 x	16 x	2 x	5 x	20 x	23 x	2 x	129 x	4 x	1 x	2 x	
(Verb)	(Verb)	(Nou n)	(Nou n)	(Nou n)	(Nou n)	(Nomin al)	(Nou n)	(Active participl e)	(Active participl e)	(Passive participl e)	(Active participle)	
Zalam	Azlam	Azla	Zālim	Zallā	Zul'm	Zulumāt	Zalū	e	Zālim	Zālimat	Mazlūm	Muz'lim
a (ظَلَمَ)	a (أَظْلَمَ)	m (أَظْلَمَ)	ī (ظَالِمِي)	m (ظَلَمَ)	(ظَلَمَ)	(ظَلَمْتُ)	m (ظَلُمَ)	Zālim (ظَالِم)	Zālimat (ظَالِمَة)	Mazlūm (مَظْلُوم)	Muz'lim (مُظْلِم)	

Sumber: The Quranic Arabic Corpus

Adapun Kata dasar *Ha Dhad Mim* (ه - ض - م) berlaku 2 kali dalam al-Quran, dalam dua bentuk:

(ه - ض - م)	
1 x	1 x
(Noun)	(Adjective)
Haḍm	Haḍīm
(هَضْم)	(هَضِيم)

Sumber: The Quranic Arabic Corpus

Jadual 1.1 memaparkan bagaimana kata dasar *Zha Lam Mim* membentuk pelbagai pola di dalam al Quran. Berdasarkan analisis, wujud 2 bentuk kata kerja iaitu *Zalama* yang bererti (*to oppress, to wrong*) dan *Azlama* (*to darken*) diikuti dengan 5 bentuk kata nama (*Azlam*, *Zālimī*, *Zallām*, *Zul'm*, dan *Zalūm*). Terdapat juga 1 bentuk kategori *Al jumla al Ismiyya* / nominal untuk perkataan *Zulumāt* (*darkness*) sebanyak 23 kali yang masing-masing 22 bentuk dalam frasa kata nama dan 1 bentuk adjektif. Selain itu, terdapat 3 bentuk (active participle) atau *isim faa'il* iaitu *Zālim*, *Zālimat* dan *Muz'lim* diikuti dengan 1 bentuk (passive participle) atau *isim maf'uul* iaitu (*Mazlūm*).

Berdasarkan pemerhatian, *isim faa'il* daripada kata *Zālim* membentuk 105 pola kata nama dan 24 adjektif. Sementara itu, jadual 1.2 memaparkan 2 bentuk pola perkataan daripada kata dasar *Ha Dhad Mim* masing-masing 1 kata nama yang memberi maksud (*deprivation*) dan 1 adjektif (*soft*). Jadual yang diperlihatkan menampakan bagaimana perkataan boleh berubah maksud bergantung pada kedudukan dan konteks ayat.

Analisis 2

Perkataan الضيق dan الحرج di dalam surah al An'am ayat 125.

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأْتَمَّا يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ (125)

Terjemahan: Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.

Perkataan ضَيِّقًا حَرَجًا kedua-duanya dianggap sinonim disebabkan ciri-cirinya yang bermaksud 'sempit' (Himadah Muhammad 2007: 537). Perkataan الضيق menurut Ibn Manzur (2003) daripada kata dasar ضاق bermaksud sempit, manakala perkataan الحرج ialah اضيق الضيق iaitu terlalu sempit (dalam dosa). Ayat di atas menceritakan bagaimana Allah memberi hidayah dan petunjuk dengan membuka hati untuk menerima Islam bagi yang dikehendakiNya, begitu juga menjadikan dadanya sesak lagi sempit sekiranya dikehendaki Allah untuk menyesatkannya. Ibn A'syur (1997) dan Ibn Faris (2001) mentafsirkan الحرج sebagai teramat sempit. Tafsir Muyassar (2009) menjelaskan ayat صدره ضيقا حرجا sebagai صدره في حالة شديدة من الانقباض عن قبول الهدى (*Terj: Hatinya dalam keadaan yang sangat jauh untuk terima hidayah Allah*). Ali Yumna (1985: 30) di dalam bukunya *Asrar al Taraduf fi al Quran al Karim* menjelaskan kedua-dua perkataan itu disebut bersama untuk menjelaskan satu rahsia iaitu, iaitu: perkataan pertama (الضيق) menunjukkan bagaimana Allah menjadikan hati orang kafir sempit dan tiada tempat untuk memperoleh hidayah, manakala (الحرج) digunakan untuk menyatakan tiada ruang/ jalan masuk untuk hidayah diterima. Dengan itu, terjadilah kesesatan yang besar selepas hilangnya petunjuk secara luaran dan dalaman.

ANALISIS KOMPONEN MAKNA				
LS	Hubungan makna	Makna fungsian	Kesan konteks/ Tema	Fitur
الضيق	sempit	sesak/ sempit	untuk hati yang tiada (tempat) memperoleh hidayah	[+]
الحرج		terlalu sempit	untuk hati dalam (ruang) kesesatan yang besar (tanpa hidayah)	[+]

Ulasan: terdapat persamaan kecil bagi LS tersebut untuk maksud 'sempit'. Adapun begitu, kedua-dua perkataan tersebut secara asasnya berfungsi untuk membezakan klasifikasi kesempitan hati apabila Allah menghendaki untuk menyesatkannya. Ciri-ciri kesempitan menjelaskan bagaimana hidayah tidak diperoleh menjangkau tempat dan ruang. Dengan demikian ianya bukan kata seerti. Walaubagaimanapun, dua perkataan ضيقًا حرجًا digunakan bersama memberikan kesan maksud yang sangat sempit. Gambaran kesempitan dan kesesakan dipaparkan melalui tarsiran

Tafsir Muyassar (2009): كحال مَنْ يصعد في طبقات الجو العليا، فيصاب بضيق شديد التنفسي (Terj: Seperti situasi orang mendaki pada paras yang tinggi dan terjadi padanya kesesakan nafas yang teramat).

2.1 Klasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi kata *Dhad Ya Qaf* & *Ha Ra Jim*

Kata dasar *Dhad Ya Qaf* (ض ي ق) berlaku 13 kali dalam al-Quran, dalam lima bentuk:

(ض - ي - ق)				
7 x	1 x	2 x	2 x	1 x
(Verb)	(Verb)	(Noun)	(Nominal)	(Active participle)
<i>Dhāqa</i>	<i>Tuudayyiqu</i>	<i>Dhayq</i>	<i>Dhayyiq</i>	<i>Dhāiq</i>
(ضاق)	(تضيّق)	(ضيّق)	(ضيّق)	(ضائق)

Sumber: The Quranic Arabic Corpus

Kata dasar *Ha Ra Jim* (ح ر ج) muncul 15 kali dalam bentuk Nominal.

(ح - ر - ج)
15 x
(Nominal)
<i>Haraj</i>
(حرّج)

Sumber: The Quranic Arabic Corpus

Jadual 2.1 menunjukkan kata dasar *Dhad Ya Qaf* yang membentuk sebanyak 2 pola kata kerja (*Dhāqa* bermaksud *to straiten* dan *Tuudayyiqu* bermaksud *to distress*). Selain itu, terdapat 1 pola berbentuk kata nama dan 1 (Active participle) / isim faa'il. Terdapat juga frasa daripada kategori nominal yang masing-masing 1 adjektif bermaksud (*narrow*) dan 1 kata nama bermaksud (*tight*). Adapun begitu, jadual 2.2 memaparkan kata dasar *Ha Ra Jim* yang hanya datang dalam 1 bentuk nominal dengan masing-masing 2 pola iaitu 14 kata nama yang memberi erti (*any discomfort, difficulty, any uneasiness, any blame*) dan 1 adjektif bermaksud (*and constricted*).

Analisis 3

Perkataan السادة dan الكبراء di dalam surah al Ahzab ayat 67.

وَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَلُكُنَّا لَهُمْ عِشْرَانًا فَاصْلَوْنَا السَّبِيلَ (67)
Terjemahan: Dan mereka berkata lagi: "Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan orang-orang besar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar.

Perkataan السواد *al sawad* merupakan antonim kepada perkataan البياض *al bayad*, adapun السيد ialah المولى والخدم العبيد (Terj: mempunyai kuasa dan hamba), manakala كبر ialah عظم bermaksud yang besar (orang atasan) (Ibn Manzur, 2003). Wujud sarjana yang menjelaskan keduanya adalah daripada kategori sinonim dengan konteks *ataf* berunsur penegasan (Himadah Muhammad 2007: 534). Ayat tersebut menceritakan bagaimana orang kafir berkata pada hari kiamat yang mereka telah mentaati pemimpin dan ketua/imam mereka dalam keadaan sesat dan syirik, dan mereka dijauhkan daripada jalan hidayah dan iman (Tafsir Muyassar 2009). Menurut al-Raghib al-Asfahāniy (1999) penggunaan السيد untuk maksud سيّد القوم iaitu pembesar sesuatu kaum. Perkataan سَيِّدًا *sayyidan* memberi maksud 'rakyat berlindung dengan pemerintahnya' (Ibn Faris, 2001: 475), begitu juga maksud lafaz كبراء yang hanya khilaf

kecil dari segi maknanya (*ibid*: 883). Perbezaan antara dua lafaz tersebut juga dipersetujui oleh Ibn A'syur (1997) dengan menyatakan kata السادة adalah pembesar suatu kaum dan kabilah seperti raja, manakala كبراء ialah عظيم العشيرة (kaum yang besar) tanpa pembesar. Begitu juga Abi Hilāl al-'Askariy (1988) berpandangan bahawa kata السيد merujuk kepada orang yang mentadbir sesuatu kaum dan الكبير adalah orang yang memilih ilmu atau kemuliaan. Perbezaannya ialah ciri-ciri pada perkataan السيد yang memberi maksud mengenai kuasa dan tadbir sesuatu urusan. Walaupun terdapat kategori sinonim seperti separa sinonim, pengkaji berpendapat adalah tidak sesuai untuk menyatakan bahawa kedua-dua perkataan tersebut dalam kategori makna seerti. Ini kerana, setiap perkataan yang wujud di dalam al Quran memberikan kepentingan dan kesan tertentu, sebagaimana yang dibahaskan.

ANALISIS KOMPONEN MAKNA				
LS	Hubungan makna	Makna fungsian	Kesan konteks/ Tema	Fitur
السادة	penguasa	pembesar sesuatu kaum	dituju kepada penguasa suatu pemerintahan (umat)	[+]
الكبراء		pemimpin/ ketua	dituju kepada ketua yang berperanan mengajak kepada ketaatan dan menjauhi kejahatan	[+]

Ulasan: Secara permukaan, LS di atas mempunyai unsur seerti dengan maksud 'orang yang mempunyai kuasa'. Walaupun begitu, kedua-dua LS tersebut mendokong fungsi tersendiri untuk membezakan ciri-ciri perkataan السادة dan الكبراء. Sejarar dengan Al- Alusy (1994) yang membezakan antara dua perkataan tersebut dengan menyatakan ساداتنا ialah ملوكنا وولاتنا iaitu penguasa dan pemimpin suatu pentadbiran (umat) manakala perkataan كبرائنا ialah ketua-ketua yang berperanan untuk mengajak kepada ketaatan dan menjauhkan kejahatan, dengan demikian perkataan ساداتنا dan كبرائنا berbeza dan digambarkan keduanya sebagai 'penguasa' untuk menguatkan tentang peringatan (atas kuasa yang dimilikinya). Secara kesimpulannya, ayat di atas memaparkan kisah tentang orang kafir yang mematuhi pemimpin dan ketua mereka dalam keadaan sesat dan syirik, dengan menyalahkan pimpinan kerana tidak membawa mereka ke jalan hidayah dan iman. Oleh kerana itu, mereka juga menuntut pimpinan/ketua agar diazab sepertimana mereka diazab dan dijauhi dari rahmat. Dan sesungguhnya ketaatan selain kepada Allah dan rasul adalah dimurkai, begitu juga pengikut dan yang mengikut dikira bersama.

3.1 Klasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi kata *Sin Waw Dal & Kaf Ba Ra*

Kata dasar perkataan *Sin Waw Dal* (س و د) wujud 10 kali dalam al-Quran dalam 6 bentuk:

(س - و - د)					
2 x (Verb) <i>Is'waddat</i> (اسودّت)	1 x (Adjective) <i>Aswad</i> (أسود)	1 x (Adjective) <i>Sūd</i> (سود)	3 x (Noun) <i>Sayyid</i> (سَيِّد)	1 x (Adjective) <i>Mus'waddat</i> (مُسَوِّدَت)	2 x (Active participle) <i>Mus'wadd</i> (مُسَوِّد)

Sumber: *The Quranic Arabic Corpus*

Adapun Kata dasar *Kaf Ba Ra* (ك ب ر) berlaku 181 kali dalam al-Quran, dalam 18 bentuk:

(ك - ب - ر)								
8 x (Verb) <i>Kabura</i> (كَبُرَ)	4 x (Verb) <i>Kabbir</i> (كَبِّرَ)	1 x (Verb) <i>Akbar</i> (أَكْبَرُ)	2 x (Verb) <i>Yatakabbaru</i> (يَتَكَبَّرُ)	40 x (Verb) <i>Is'takbara</i> (اسْتَكْبَرُ)	24 x (Nominal) <i>Akbar</i> (أَكْبَرُ)	1 x (Adjective) <i>Kubbār</i> (كُبَّارُ)	6 x (Noun) <i>Kibar</i> (كِبْرُ)	2 x (Noun) <i>Kib'r</i> (كِبْرُ)
1 x (Noun) <i>Kubarā</i> (كُبْرَاءُ)	7 x (Nominal) <i>Kub'rā</i> (كُبْرَى)	2 x (Noun) <i>Kib'riyā</i> (كِبْرِيَاءُ)	40 x (Nominal) <i>Kabīr</i> (كَبِيرُ)	7 x (Noun) <i>Kabīrat</i> (كَبِيرَةٌ)	1 x (Verbal Noun) <i>Takbīr</i> (تَكْبِيرُ)	7 x (Active participle) <i>Mutakabbir</i> (مُتَكَبِّرُ)	2 x (Verbal Noun) <i>Is'tik'bār</i> (اسْتِكْبَارُ)	6 x (Active participle) <i>Mus'takbir</i> (مُسْتَكْبِرُ)

Sumber: *The Quranic Arabic Corpus*

Jadual 3.1 di atas menunjukkan pecahan kata daripada perkataan *Sin Waw Dal* di dalam al Quran. Terdapat 1 pola kata kerja *Is'waddat* yang bermaksud (*to become black*), manakala 3 pola daripadanya dalam bentuk adjektif. Kata adjektif *Aswad*, *Sūd* dan *Mus'waddat* muncul 1 kali yang masing-masing memberi erti (*the black*), (*intensely black*) dan (*will be blackened*). Adapun begitu, terdapat juga 3 bentuk kata nama yang masing-masing memberi pola maksud (*and a noble*), (*her husband*) dan (*our chiefs*). Di samping itu, wujud 1 bentuk (*active participle*) / isim *faa'il* di atas wazan *Mus'wadd* pada 2 tempat di dalam al Quran yang beerti (*dark*). Jadual 3.2 memaparkan sebilangan pola daripada kata dasar *Kāf Bā Rā*. Sebanyak 5 bentuk pola perkataan kata kerja dan 5 kata nama. Terdapat juga 3 kategori frasa dalam bentuk nominal dan 1 adjektif. Disamping itu, wujud juga pola *masdar* / (Verbal Noun) *Is'tik'bār* pada 2 tempat yang memberi maksud (*due to arrogance*) dan (*with pride*), begitu juga *Takbīr* dengan maksud (*with all magnificence*). Pola (*active participle*) *Mutakabbir* datang dalam 6 bentuk frasa kata nama (*the arrogant*) dan 1 daripadanya adjektif (*the Supreme*), manakala wazan kata bagi perkataan *Mus'takbir* wujud pada 6 tempat.

Analisis 4

Perkataan *السّر* dan *النّجوى* di dalam surah at Taubah ayat 78.

أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّهُمْ وَنَجْوَاهُمْ وَأَنَّ اللَّهَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ (78)
Terjemahan: Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah sentiasa mengetahui apa yang mereka rahsiakan serta apa yang mereka bisikkan, dan bahawasanya Allah Maha Mengetahui akan perkara-perkara yang ghaib?

Penelitian yang tidak terperinci ke atas makna fungsian pada LS *السّر* dan *النّجوى* boleh menyebabkan ianya digolong dalam kategori sinonim. Himadah Muhammad (2007: 531) menyatakan perkataan tersebut masing-masing mempunyai ciri-ciri untuk maksud 'tersembunyi' dan 'tidak diungkap'. Ibn Manzur (2003: 554) dan Ibn Faris (2001: 456) mendefinisikan *السّر* sebagai rahsia/ apa yang disembunyikan dan *النّجوى* bermaksud 'menutup' dan 'menyembunyi'. Secara permukaan, kedua-dua perkataan tersebut memberi maksud yang agak kurang sama, tetapi jika dinilai terhadap fungsi perkataan maka ianya menyalurkan maksud yang sebenar. Hal ini dijelaskan secara terperinci oleh Abi Hilāl al-'Askariy (1988) dengan membezakan perkataan tersebut dan menyatakan *النّجوى* bererti *الكلام الخفي* (kata yang tersembunyi/ berbisik) supaya tidak didengar oleh seseorang, manakala *السّر* bermaksud menyembunyi sesuatu di dalam diri/ berahsia. Kata *النّجوى* berlaku dengan adanya perkataan daripada pertuturan adapun *السّر* berlaku untuk maksud yang ditutur tersebut, sebagaimana telah melakukan seseorang suatu perkara secara rahsia (*السّر*) maka tidak diketahui perkara tersebut (kerana dirahsiakan), manakala *النّجوى* tidak terjadi melainkan dengan suara dan kata-kata (*ibid*). Penjelasan yang dibuat oleh Abi Hilāl al-'Askariy menampakkan fungsi sebenar perkataan tersebut. Perincian yang diutarakan membolehkan pembaca mendapat kesan pemahaman yang sebenar daripada ayat yang dinyatakan.

ANALISIS KOMPONEN MAKNA				
LS	Hubungan makna	Makna fungsian	Kesan konteks/ Tema	Fitur
السّر	tersembunyi	sembunyi sesuatu dalam diri/ berahsia	berlaku untuk maksud yang ditutur secara rahsia	[+]
النّجوى		kata yang tersembunyi/ berbisik	berlaku dengan adanya perkataan daripada pertuturan	[-]

Ulasan: Sekali imbas kedua-dua LS tersebut memberikan maksud yang seerti. Pengkaji percaya walaupun kedua-dua perkataan tersebut wujud dalam konteks *ataf*, ianya tidak menyalurkan maksud seerti sepenuhnya kecuali dengan justifikasi dan kesan tersendiri. Hal ini selari dengan hujah Ali Yumna (1985: 61) yang menyatakan perkataan (النّجوى) *ma'tuf* pada kata (السّر) sebagai tanda perbezaan antara keduanya dari segi kedudukan khusus dan semantik. Begitu juga Ibn A'syur (1997: 274) yang mengatakan di *ataf* النّجوى ke atas السّر bersama untuk memberitahu terlebih dahulu apa yang dibisikkan tentang niat jahat dan hasad (orang munafik). Sebagai pemahaman, ayat di atas menceritakan tentang orang munafik yang sesungguhnya Allah mengetahui apa yang disembunyikan dalam diri mereka, begitu juga tipu daya dan niat jahat/ celaan mereka.

4.1 Klasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi kata *Sin Ra Ra* & *Nun Jim Waw*

Terdapat 44 kali dalam al-Quran kata dasar *Sin Ra Ra* (س ر ر), dalam 9 bentuk seperti berikut:

(س - ر - ر)								
1 x (Verb) <i>Tasurru</i> (تَسُرُّ)	18 x (Verb) <i>Asarra</i> (أَسَرَ)	11 x (Noun) <i>Sirr</i> (سِرّ)	1 x (Noun) <i>Sarāir</i> (سَرَائِر)	2 x (Noun) <i>Sarrā</i> (سَرَّاء)	6 x (Noun) <i>Surur</i> (سُرُور)	1 x (Noun) <i>Surūr</i> (سُرُور)	2 x (Passive participle) <i>Masrūr</i> (مَسْرُور)	2 x (Verbal noun) <i>Is'rār</i> (إِسْرَار)

Sumber: *The Quranic Arabic Corpus*

Kata dasar *Nun Jim Waw* (ن ج و) berlaku 84 kali dalam al-Quran, dalam 10 bentuk berikut:

(ن - ج - و)									
2 x (Verb) <i>Najā</i> (نَجَا)	37 x (Verb) <i>Najjā</i> (نَجَّى)	1 x (Verb) <i>Najāy</i> (نَجَّى)	23 x (Verb) <i>Anjā</i> (أَنْجَى)	4 x (Verb) <i>Tanājay</i> (تَنَاجَى)	1 x (Noun) <i>Najat</i> (نَجْوة)	11 x (Noun) <i>Najwā</i> (نَجْوَى)	2 x (Noun) <i>Najiyy</i> (نَجِيّ)	1 x (Active participle) <i>Nāj</i> (نَاج)	2 x (Active participle) <i>Munajjū</i> (مُنْجُو)

Sumber: *The Quranic Arabic Corpus*

Jadual 4.1 memaparkan 2 bentuk perkataan berupa kata kerja di atas *wazan* perkataan *Asarra* (*to conceal*) dan *Tasurru* (*to please*). Berdasarkan pemerhatian, terdapat 5 pola perkataan kata nama iaitu *Sirr* (*secret*), *Sarāir* (*the secrets*), *Sarrā* (*the ease*), *Surur* (*thrones*) dan *Surūr* (*happiness*). Kesemua perkataan kata nama tersebut berdiri di atas kategori masing-masing selari dengan kedudukannya di dalam ayat. Terdapat juga kata di atas *wazan isim maf'ul* atau (*passive participle*) yang memberi maksud (*happy*). Di samping itu wujud 1 pola kata *masdar* atau (*verbal noun*) pada 2 tempat masing-masing memberi erti (*secretly*) dan (*their secrets*). Sementara itu,

jadual 4.2 mengutarakan derivasi kata daripada perkataan dasar *Nun Jim Waw*. Sebanyak 5 pola muncul di dalam al Quran untuk kategori kata kerja. Kata *Najā* memberi maksud (*to save, to escape*), *Najjā* (*to save, to deliver*), *Najāy* (*you privately consult*), *Anjā* (*to save*) dan *Tanājay* (*to hold secret counsel*). Terdapat juga 3 pola bentuk kata nama iaitu *Najat* (*the salvation*), *Najwā* (*secret talk/ secret conversation/ private conversation/ secret counsel*) dan *Najīyy* (*for conversation/ in private consultation*). Selain itu, muncul juga 2 pola kata *isim faa'il* / (active participle) *Nāj* yang memberi maksud (*would be saved*) dan *Munajjū* (*surely will save them/ will save you*).

Analisis 5

Perkataan *حَمِيم* dan *أَنْ* di dalam surah ar Rahman ayat 44.

يَطُوفُونَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ حَمِيمٍ ءَانٍ (44)
Terjemahan: Mereka (terus disiksa) berulang-ulang di antara api neraka dengan air yang menggelegak yang cukup masak panasnya!

Secara permukaan kedua-dua perkataan tersebut memberikan maksud yang sama untuk menyatakan tentang azab kepanasan ahli neraka. Pemerhatian yang tidak telus menampakkan ianya sebagai sinonim untuk maksud 'air yang panas' Himadah Muhammad (2007: 526). Jika dinilai secara mendalam, ia sebenarnya menyalurkan dua konteks dan keadaan yang berlainan. Perkara ini dijelaskan oleh al-Raghib al-Asfahāniy (1999: 146) dan Ibn A'syur (1997: 263) masing-masing dengan menyatakan perkataan *الحَمِيم* bermaksud 'air yang terlampau panas' dan 'air menggelegak yang terlampau panas'. Adapun perkataan *أَنْ* menurut Ibn Katshir (2000: 276) ialah 'kepanasan yang mencapai had/kemuncak'. Hal ini juga dijelaskan oleh Himadah Muhammad (2007: 527) dengan mengatakan perkataan *أَنْ* bukan sahaja bermaksud air yang panas tetapi menunjukkan kemuncak dan had tahap kepanasan. Sekiranya dilihat dari segi bahasa, kedua-dua perkataan tersebut berbeza dari segi ciri-ciri semantik.

ANALISIS KOMPONEN MAKNA				
LS	Hubungan makna	Makna fungsian	Kesan konteks/ Tema	Fitur
حَمِيم	kepanasan	air mendidih yang terlampau panas	menunjukkan bentuk kepanasan air	[+]
أَنْ		panas yang mencapai had/kemuncak	menunjukkan ciri kepanasan air yang dahsyat	[+]

Ulasan: Kedua-dua LS di atas memberikan maksud 'panas' secara langsung. Walaupun begitu, perkataan *الحَمِيم* berbeza dengan *أَنْ* dari segi fungsian dan konteks. Pemilihan perkataan tersebut di dalam al Quran untuk menampakkan kesan azab kepanasan yang hebat bagi orang-orang yang melakukan kejahatan. Ayat tersebut menceritakan bagaimana (mereka berkeliling) yakni berjalan dengan cepat (di antaranya dan di antara air yang mendidih (yang memuncak panasnya), lalu mereka diberi minum air panas tersebut apabila mereka meminta tolong kerana panasnya api neraka; lafaz *Anin* termasuk *Isim Manqush*, sama halnya dengan lafaz *Qadhin*.

5.1 Klasifikasi kekerapan perkataan mengikut analisis morfologi kata *Ha Mim Mim & Hamza Ya Nun*

Kata dasar *Ha Mim Mim* (ح م م) berlaku 21 kali dalam al-Quran, dalam dua bentuk:

(ح – م – م)	
20 x (Nominal) <i>Ḥamīm</i> (حَمِيم)	1 x (Noun) <i>Yahmūm</i> (يَحْمُوم)

Sumber: *The Quranic Arabic Corpus*

Adapun kata dasar *Hamza Ya Nun* (أ ن ي) wujud 36 kali dalam al-Quran, dalam enam bentuk berikut:

(أ – ن – ي)					
1 x (Verb) <i>Yanī</i> (يَأْنِي)	28 x (Nominal) <i>Annā</i> (أَنَّ)	1 x (Noun) <i>Inā</i> (إِنِّي)	3 x (Nominal) <i>Anā</i> (أَنَا)	1 x (Active participle) <i>Ān</i> (أَنَّ)	2 x (Active participle) <i>Āniyat</i> (أَنِيَّة)

Sumber: *The Quranic Arabic Corpus*

Jadual 5.1 mengutarakan derivasi kata daripada perkataan dasar *Ha Mim Mim*. Terdapat 20 kata yang muncul di atas pola nominal/ *Al jumla al Ismiyya* masing-masing 14 kategori kata nama dan 6 adjektif. Kata *Ḥamīm* berupaya untuk mengemukakan semantik yang luas mengikut konteks, contohnya (*boiling water, boiling fluid, intimate friend, scalding water, devoted friend, dan a friend*). Adapun begitu, terdapat 1 kata nama daripada wazan *Yahmūm* yang memberi maksud (*black smoke*). Jadual 5.2 pula memaparkan pecahan kata daripada kata dasar *Hamza Yā Nun*. Terdapat 1 pola kata kerja *Yani* yang memberi erti (*come (the) time*). Struktur nominal juga wujud sebanyak 2 pola iaitu *Annā* dan *Anā*. Adapun pola *Al jumla al Ismiyya* bagi perkataan *Annā* terdiri daripada 27 (*interrogative particle*) dan 1 (*noun*). Di samping itu, terdapat 2 pola bentuk *isim faa'il* / (*active participle*) iaitu *Ān* (*heated*) serta *Āniyat* yang masing-masing 1 adjektif (*boiling*) dan 1 kata nama (*vessels*).

Rumusan

Al Quran merupakan satu mukjizat yang tidak boleh disangkal secara linguistik mahupun teori. Hal ini jelas apabila kajian-kajian yang dijalankan ke atas al Quran memperlihatkan kehebatannya termasuk ilmu makna, sastera, retorik dan sebagainya. Makna eksplisit yang digunakan dalamnya mempunyai perincian makna yang sangat halus dan spesifik serta menepati realiti sesuatu yang dinyatakan. Makna tersebut banyak digunakan pada perkara-perkara berkaitan fakta dan hakikat yang memerlukan ketepatan dan kehalusan. Pemilihan perkataan dalam al-Quran adalah sangat tepat, berpadanan dengan *mauqi'* dan konteks yang direncanakan dan tidak boleh dialih dengan perkataan lain. Dapatan kajian ini sejajar dengan pandangan Mat Taib Pa (2012) yang menyatakan bahawa perkataan yang digunakan dalam al-Quran menepati tahap dan peringkat sesuatu perkara, begitu juga perkara maknawi dan abstrak termasuk sifat. Sesungguhnya, setiap perkataan yang nampak seerti tidak semestinya datang dengan fungsi sama yang boleh diubah dengan perkataan lain kerana pemilihan kata sudah selari dengan kepentingan dan justifikasinya. Bukan sahaja itu, pemahaman mendalam tentang konteks ayat sangat penting untuk memperoleh makna yang tepat bagi kata-kata yang dianggap *mutarâdif*. Mengkategorikan jenis-jenis sinonim berdasarkan perincian tahap semantik dibolehkan selagi ianya masih mengekalkan konteks dan maksud yang hendak disampaikan. Khilaf tentang kewujudannya di dalam bahasa tidak boleh ditentang sepenuhnya kerana setiap sarjana mempunyai hujah dan justifikasi tersendiri. Ini menunjukkan kehebatan ilmu bahasa yang sentiasa dikaji dan diterokai.

Analisis yang dijalankan dalam kajian ini menegaskan bahawa setiap LS yang wujud di dalam al Quran mempunyai nilai dan fungsi serta kesan tersendiri. Di samping itu, pemilihan perkataan juga diiringi dengan intipati, kepentingan dan justifikasi yang khusus. Setiap LS dalam al-Quran mempunyai maksud yang spesifik, sempurna dan tersendiri sebagai bukti mukjizat dan keagungan al-Quran yang relevan di setiap ruang dan waktu. Hal ini dapat dilihat kepada 5 analisis yang telah dijalankan di dalam kajian ini. Contohnya perkataan *السر* dan *النجوى* yang secara permukaannya bermaksud 'rahsia'. Penilaian yang terperinci membolehkan keduanya memberikan maksud berbeza di mana *النجوى* bererti kata yang tersembunyi/ berbisik supaya tidak didengar, manakala *السر* bermaksud menyembunyi sesuatu di dalam diri/ berahsia. Kata *النجوى* terjadi dengan wujudnya kata daripada pertuturan adapun *السر* terjadi untuk maksud yang ditutur tersebut. Teori analisis komponen makna (AKM) dilihat membantu memperlihatkan fungsi dan kesan serta memperincikan perkataan yang mempunyai hubungan makna di antara satu LS dengan yang lain.

Dua LS yang dikatakan komponen seerti dalam satu ayat sebenarnya menunjukkan bahawa al-Quran membezakan kedua-duanya dengan makna yang halus. Dengan demikian, tiada LS dalam al Quran. Pandangan tafsiran yang dijalankan dalam kajian ini memperlihatkan bagaimana LS menampakkan kesan dan fungsi leksikal di dalam frasa berasaskan pandangan sarjana al Quran. Kekerapan perkataan yang dibuat kajian mengikut klasifikasi morfologi melalui kata dasar dan bentuk asal di dalam kajian ini membantu untuk menampakkan pola, bentuk perkataan dan kategori semantik leksikal. Perisian *The Quranic Arabic Corpus* dilihat berupaya memperlihatkan derivasi dan fungsi leksikal bagi LS yang dibuat kajian. Setiap LS yang digunakan didatangi dengan sebab tertentu dan kepentingan yang membawa kita kepada keyakinan yang kuat dan buktinya sebagai kitab yang tiada padanya keraguan serta kecacatan. Justeru, kajian asas ini diharap membuka sedikit ruang untuk mengetengahkan isu berkaitan sinonim di dalam al Quran seterusnya memperlihatkan kehebatannya sebagai mukjizat.

Rujukan

Al Quran al Karim.

Abdul-Tawab, Ramadan. (1987). *Fusul fi Fiqh al- 'Arabia* (Chapters in Arabic philology). Cairo: Al-khanji.

Abi Hilal al Askari. (1988). *Kitab Jāmhāratt al Amsal*. Dar al Fikr. Beirut: Lubnan.

Abobaker Ali, M Alsaleh Brakhw, Munif Zarirruddin Fikri Nordin, Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail. (2012). Some Linguistic Difficulties in Translating the Holy Quran from Arabic into English. *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 2, No. 6. Pg 588-590.

Ahmad Mukhtar Umar. (1982). *Ilmu Ad-Dilālah*, Jāmiyah Al-kuwait: Maktatbah dārul al-'urubah linasyru at-tauzi'.

Ali, A. (2006). Word repetition in the Qur'an—translating form or meaning?. *Language and Translation*, 19, 17–34.

Andrew G. Bannister. (2014). *An Oral-Formulaic Study of the Qur'an*. Publish by Lexinton Books. United Kindom.

Antar Abdellah. (2010). *Translations of Near-Synonyms in the Quran: A context-based Analysis*. South Valley University and Taibah University.

Ali Yumna Dirdir. (1985). *Asrar al Taraduf fi al Quran al Karim*. Dar Ibn Hazal.

Al-Antaki Muhammad. t.th. *al-Wajiz fi Fiqh al-Lughah*. t.t.: Maktabah al-Shahba'.

Al- Alusy. (Abi Shihabuddin Mahmud). (1994). *Ruh al Ma'ani fi Tafsir al Qurān al A'zim wa al Sab' al Masani*. Dar al Kutub al Ilmiyyatt: Beirut Lubnan.

- Arberry, A. (Trans.). (1996). *The Koran interpreted: A translation*. New York, NY: Simon & Schuster.
- Cruse, D. A. (2004). *Meaning in language*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Eugene .A. Nida. (1975). *Componential Analysis of Meaning*. Paris: Publishers The Hague.
- Farid Awud Haidar. (1999). *'Ilmu Al-Dilālah: Dirasāh Nazariah wa Tatbiqiah*. Jāmi'ah al-Qāhirah: Maktabah Na'sah al-Masriah.
- Himadah Muhammad Abd Fattah al Husaini. (2007). *Al Musahabat al Lughawiyat wa Asaruha fi Tahdid al Dilalat fi al Quran al Karim* (in Arabic). PhD. Kuliyyat al Dirasat al Islamiyyat wa al Arabiyyat lilbanin, al Qahirat.
- Ibn A'syur. (Muhammad Tahir A'syur). (1997). *Al Tāhrir wa al Tanwir*. Dar Syahnun li al Nasyr wa al Tauzi': Tunis.
- Ibn Faris. (2001). *Mūkjām Māqāyiis al Lūghātt*. Dar Ihya' al Turas al Arabiy. Beirut: Lubnan.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath 'Uthman. t.th. *al-Khasa'is*. Sunt. Muhammad 'Ali al-Najjar. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibn Katshir. (2000). *Tāfsir al Qūran al A'zim*. Dar al Bayan al Arabiy: Maktabatt al-Ma'arif: Riyadh.
- Ibn Manzur. (2003). *Lisānul Arab*. Matba'att Dar al Hadis: Kaherah
- Issa, Heba. (2011). "Textually-Mediated Synonymy in English/Arabic Translation." Diss. The American university of Sharjah.
- Jamal Alqinai. (2012). Convergence and Divergence in the Interpretation of Quranic Polysemy and Lexical Recurrence. *Journal of Faculty of Letters*. Volume 29, No 1.
- Kais Dukes, Eric Atwell & Abdul-Baquee M. Sharaf. (2010). Syntactic Annotation Guidelines for the Quranic Arabic Dependency Treebank. *Proceedings. School of Computing, University of Leeds*.
- Kais Dukes. (2009). The Quranic Arabic Corpus. (<http://corpus.quran.com>).
- Kais Dukes, N Habash. (2010), Morphological Annotation of Quranic Arabic. Conference LREC.
- Kais Dukes, T Buckwalter. (2010). A Dependency Treebank of the Quran using Traditional Arabic Grammar. *Informatics and Systems (INFOS), 2010 the 7th International Conference on*, 1-7.
- Kais Dukes, E Atwell, ABM Sharaf. (2010). Syntactic Annotation Guidelines for the Quranic Arabic Dependency Treebank. Conference LREC.
- Kais Dukes, E Atwell, N Habash. (2013). Supervised Collaboration for Syntactic Annotation of Quranic Arabic. *Language resources and evaluation* 47 (1), 33-62.
- Ramli Md Salleh. (1997). *Kamus Linguistik*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mat Taib Bin Pa. (2012). *Pemilihan Perkataan dan Struktur Morfologi dalam Surah al-Fatihah*. Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohammad Mahmoud Ghali. (1997). *al-Mutarāḍifāt fī al-Qur'ān al-Majīd : 'Arabī-Inkilīzī*. al-Qāhirah, Miṣr : Dār al-Nashr lil-Jāmi'āt.

- Mokhtar Omar. (1358). *Ma'nan Syanasi*, Mutarjim Husain Sayyidi. Mashad: Dansyikah Firdausi. (bahasa Arab)
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Pabiah Hajimaming, Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* Vol. 18 (2).
- Al-Munajid, Muhammad Nur al-Din. (2007). *Al-Taraduf fi al-Qur'an bayn al-Nazaria wa al-Tatbiq* (Synonyms in the Holy Quran between Theory and Application).Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Munjed, M. N. (1997). *Al taraduf fi Al-Qur'an Al-Kareem* "Synonymy in the Holy Qur'an between theory and practice". Damascus, Syria: Dar Al-Fiker Publishing.
- Noureldin Mohamed Abdelaal, Sabariah Md Rashid. (2015). Semantic Loss in the Holy Qur'an Translation with Special Reference to Surah Al-Waqia. SAGE and Open Access pages.
- Osman Mohamed Gharib. (2010). *At Taraduf fi al Quran al Karim*. Bil 21. Pg 7-45. Salahaddin University, Iraq.
- Palmer, F. R. (1976). *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Al- Qurtubi. (1988). *Al Jāmi' li Ahkam al Qūran li al Qūrtubi*. Dar al Kutub al Ilmiyyatt. Beirut: Lubnan.
- Ramadan, A. (1983). *Fusuul fi Fikeh al Arabiyya* "in Arabic". Cairo, Egypt: Al- Khanji Library.
- Al-Raghib Al-Asfahan. ____ *Mu'jam Mufradat Alfaz al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al Raghib al Asfahani. (1999). *Mükjam Müfradat Alfaz al Qūran*. Dar al Kutub al Ilmiyyatt: Beirut.
- Al-Raaziyy, Fakhr al-Diin. (1995). *Mafaatiih al-Ghaib (Al-Tafsiir al-Kabiir)*. Beirut: Daar Ihya' al-Turaath al-'Arabiyy.
- Samia Muhsen Al-Jabri. (2012). Lexical Synonyms in the Holy Qur'an and their Translations: A Case Study. *International Journal of Arabic-English Studies (IJAES)* Vol. 13. Pg 7-22.
- Sana Kamel Al-Omari & Abdel-Rahman Husni Abu-Melhim. (2014). Synonymy in English and Arabic with Reference to the Holy Qur'an: A Contrastive Study. *Theory and Practice in Language Studies*, Vol. 4, No. 12, pp. 2619-2626.: Academy Publisher.
- Shehab, E. (2009). The Problems Involved in Translating Arabic Cognitive Synonyms into English. *Majallat Al-JaamAAah Al-Islamiyyah*, 17, 869-890.
- Shihab Al-Nasser, Rafid A. Khashan. (2008). The Collocation of Mubeen In The Holy Quran. *Journal of the College of Arts. University of Basrah*. No 45.
- Sibawaih, A. (1988). *Al-Kitab*. Cairo, Egypt: Al-Khanji Library.
- Syed Khadr. (1991). *Al Quran wa al Taraduf al Lughawi: Dirasah Tahliliyyat li ba'd Mutaradifat al Quran al Karim* (bahasa Arab). Dar al Bilal.
- Tafsir Muyassar. (2009). *Majma' al Malik Fahd li Tiba'at al Mushaf al Syarif*. Al Nashir: *Majma' al Malik Fahd li Tiba'at al Mushaf al Syarif*. Jilid 1, Terbitan 2.
- Tarigan, H.G. 1985. *Pengajaran semantik*. Bandung: Angkasa Bandung.

Zainur Rijal & Mahmoud Mohammed Ali. (2014). Perbezaan di antara Kata Kerja Berimbuhan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Jurnal Linguistik Vol. 18 (1).

Al- Zamakhsyari. (1998). *Al Kāssyaf a 'n Hāqaiq al Tānzil wa U'yun al Aqāwil fi Wūjuh al Ta'wil*. Maktabatt Misr, al Fujalah, Kaherah.

Al Zarkashiy (Muhammad b Abdullah). (1988). *Al Burhan fi Ulum al Quran*. Beirut: Dar al Ma'rifat.